



**Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan**  
National Pharmaceutical Control Bureau  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj kami : Bil(44) dlm BPFK/11/80Jld2  
Tarikh : 17 Mac 2009

Kepada  
Semua Persatuan Berkenaan  
Semua Pemegang Pendaftaran

Tuan/Puan,

**Pemberitahuan Mengenai Pendaftaran Produk Veterinar Yang Mengandungi Samada Probiotik, Enzim, Hormon (Semulajadi/Sintetik) atau Yis (Dalam Bentuk Bahan Aktif Tunggal Atau Kombinasi)**

---

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan mesyuarat di antara pihak Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang diadakan pada 16 Februari 2009 yang lalu, mesyuarat telah memutuskan bahawa semua produk Veterinar yang mengandungi samada Probiotik, Enzim, Hormon (Semulajadi/Sintetik) atau Yis (dalam bentuk bahan aktif tunggal atau kombinasi) adalah di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan bukan di bawah Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan.
3. Semua pemegang pendaftaran diminta merujuk kepada JPV untuk maklumat lanjut berkenaan pendaftaran produk Veterinar seperti yang disebut di atas.
4. Bagi pemegang yang telah mengemukakan permohonan pendaftaran dan yuran pemprosesan bagi produk yang tersebut di atas kepada BPFK, pihak BPFK akan membenarkan bayaran 'Contra' bagi permohonan pendaftaran produk-produk baru daripada syarikat terbabit.
5. Dilampirkan bersama 'Decision Tree' pendaftaran produk Veterinar bagi memudahkan pemegang pendaftaran mengenalpasti pengelasan produk Veterinar yang dikawal di bawah agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.
6. Sekian, untuk makluman dan perhatian tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(SELVARAJA SEERANGAM)**  
Pengarah Regulatori Farmasi  
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

# VETERINARY PRODUCTS

## Products containing:

- 1) Scheduled Poison (as in First Schedule of Poison Act 1952)
- 2) Non Poison / OTC
- 3) Health/Dietary Supplement e.g Vitamins, minerals and amino acids
- 4) Herbal/Natural ingredients
- 5) Herbal/Natural Pesticides for External Use (not listed under Pesticides as listed under First Schedule of Pesticide Act 1974)

**Regulated under BPFK**

## Products containing:

- 1) Vaccines
- 2) Enzymes
- 3) Probiotics
- 4) Yeasts
- 5) Hormones (Natural and Synthetic)
- 6) Animal feed

**Not Regulated under BPFK  
Please refer to Department of  
Veterinary Services (DVS)**

## Products containing:

- 1) Pesticides as listed under First Schedule of Pesticide Act 1974 for **External Use only**.  
  
(e.g. Azadirachtin which contains in *Azadirachta indica* (**Neem**))

**Not Regulated under BPFK  
Please refer to Pesticide Division**

# Classification of Ingredients for Veterinary Use

